



## PEMBERITAHUAN

### **Pengecualian Bayaran Fi Penguntukan Radas ("AA") untuk Pendaftaran Bot Nelayan di bawah Stesen Kapal**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("MCMC") dengan ini ingin mengumumkan bahawa bayaran fi AA untuk kegunaan peralatan *Automatic Identification System* ("AIS") oleh bot nelayan di bawah stesen kapal adalah dikecualikan.

Pada tahun 2016, Jabatan Perikanan Malaysia ("DoF") telah menjalankan projek pemasangan peralatan AIS di bot-bot nelayan. AIS adalah sistem penjejak automatik yang menggunakan transmisi *transceiver* di atas bot nelayan bagi tujuan pemantauan lalu lintas bot-bot nelayan di kawasan perairan negara.

Pengecualian fi AA untuk bot nelayan di bawah stesen kapal diberi adalah untuk kepentingan awam, selepas mengambilkira faktor keselamatan para nelayan dalam mana-mana situasi kecemasan atau kesusahan dan juga untuk membantu mengurangkan beban kos pengawalseliaan yang harus ditanggung oleh mereka.

Pengecualian fi AA untuk bot nelayan di bawah stesen kapal adalah terpakai hanya untuk radas AIS yang berdaftar dengan pihak DoF.

Tarikh kuat kuasa pengecualian fi AA adalah bermula pada **1 Januari 2022**.

#### Nota:

- Untuk sebarang pertanyaan berkenaan pemberitahuan ini, sila rujuk soalan-soalan lazim melalui pautan di bawah.
- Bagi pemegang AA yang telah membuat pembayaran untuk tempoh AA sehingga tahun 2025, pembayaran balik fi AA akan dilakukan dan sila berhubung dengan MCMC seperti perincian di bawah.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Bahagian Pelesenan dan Penguntukan**  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC Tower 1,  
Jalan Impact, Cyber 6  
63000 Cyberjaya, Selangor

Tel: +60 3 8688 8000  
E-mel: [aa.refund@mcmc.gov.my](mailto:aa.refund@mcmc.gov.my)

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)